

Headline	CGI makin penting dalam SINEMA tempatan		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	14 Apr 2014	Color	Full Color
Section	Rap	Circulation	407,786
Page No	R12	Readership	3,351,000
Language	Malay	ArticleSize	366 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 13,517
Frequency	Daily	PR Value	RM 40,552



# CGI makin penting dalam SINEMA tempatan

**K**elmarin saya diajak bercakap soal CGI. Ramai tahu dalam dunia sinema, CGI adalah kependekan kepada Computer-Generated Imagery atau dalam bahasa Malaysia disebut Imej Janaan Berkomputer.

Perbualan saya bukan berlangsung di kafe atau bistro, sebaliknya berlokasi di Pawagam Mini P Ramlee di Kompleks Perbadanan Kemanusiaan Filem Malaysia (FINAS), Hulu Klang.

Ia berupa sesi diskusi atau apresiasi selepas tayangan filem Vikingdom terbitan KRU Studios. Filem itu pernah ditayangkan kepada umum pada September tahun lalu dan boleh dianggap filem Melayu terancang setakat ini kerana menggunakan lebih 95 peratus CGI bagi menzahirkan sebuah lagi karya aksi fantasi KRU selepas Cicak-Man, Magika dan Hikayat Merong Mahawangsa.

Turut bersama saya di kerusi ahli panel petang itu adalah Norman Abdul Halim serta Archi Nasution iaitu orang penting dalam projek filem KRU. Tidak lengkap sesi dialog itu tanpa moderator yang juga pensyarah dari Universiti Teknologi Mara (UiTM), Fikri Jermadi. Rata-rata yang hadir menonton adalah sekumpulan pelajar dalam jurusan seni berkaitan dari pusat pengajian swasta. Turut kelihatan, pengarah veteran Adman Salleh dan produser Raja Azmi Raja Sulaiman.

Fokus kami pada hari itu

asasnya lebih kepada CGI dalam Vikingdom. Saya sendiri enggan menyentuh sudut lain terutama isu watak Thor (dewa dalam masyarakat purba Eropah yang terkenal dengan imej pemukul saktinya) yang dianggap bertentangan dengan apa yang sering disebut dalam kepercayaan pengikut Thor. Thor versi Vikingdom pernah dihentam hebat oleh pengkritik antarabangsa sedikit masa lalu termasuk di Internet.

Apapun, petang itu, Norman asasnya menceritakan pelbagai cabaran di sebalik

pembikinan filem arahan adiknya, Yusry Abdul Halim yang menelan bajet kira-kira AS\$5 juta. Norman sedar ramai yang mengkritik kenapa KRU memilih Thor dan bukan kisah legenda atau mitos Melayu lain. Alasan Norman, itu hanyalah salah satu daripada banyak lagi mitos fantasi lain

yang akan mereka hasilkan selepas pernah menerbitkan filem Hikayat Merong Mahawangsa.

Dengan erti kata lain, Vikingdom bertindak sebagai satu lagi platform untuk KRU meneroka bidang teknologi filem termasuk CGI selain cuba menembusi pasaran antarabangsa dengan lebih luas.

Kata Norman yang kemudian disokong Archi, Vikingdom lakonan Dominic Purcell dan Natassia

Malthe hanya dibantu oleh 50 petugas mereka yang bertungkus-lumus selama 14 bulan di depan komputer untuk menghasilkan CGI dan kesan visual lain ke atas lebih 3,000 syot! Saya sendiri kira satu tugas yang penuh tekanan kerana KRU mesti mengejar 'dateline' bagi menyiapkan filem itu agar dapat dipasarkan kepada pendedar di luar negara. Andai lambat siap, mereka boleh rugi.

Bagi anda yang membeli DVD Vikingdom, anda juga akan dapat melihat satu segmen 'The Making of' yang diselitkan bersama cerita penuh. Di situ ada dipaparkan wawancara dengan tenaga kreatif terbabit dan bagaimana proses CGI dihasilkan.

Memang menakjubkan kerana babak peperangan yang hanya dibuat di Shah Alam akhirnya bertukar menjadi kawasan lembah dan pergunungan salji di Eropah selepas proses CGI dibuat. Begitu juga dengan babak pertarungan dengan seekor bucu yang nampak cukup realistik di layar besar, padahal ia asalnya hanyalah satu kepala bucu animatronik yang ditempah dari Kanada dan kemudian diperhalusi dengan CGI.

Saya katakan juga kepada tetamu bahawa penggunaan CGI hari ini menjadi semakin penting dalam pembikinan filem di seluruh dunia termasuk Malaysia. Tidak hanya kepada filem sci-fi, futuristik, epik dan fantasi, CGI juga boleh menjadi perkara yang

sangat penting kepada filem bergenre berat mahupun bersifat drama. Ia asasnya bagi membantu pengarah menggambarkan apa saja benda atau senario benda yang selama ini dianggap mustahil dibuat dalam filem. Tidak kira filem seperti Tanda Putera, Iron Lady atau Puteri Gunung Ledang, CGI turut digunakan bagi mencantikkan lagi babak tertentu yang sebelum ini menjadi satu kemustahilan.

Di peringkat global, CGI sudah menguasai banyak sekali filem Hollywood, Hong Kong mahupun Bollywood. Melalui CGI jugalah Hollywood menghidupkan semula dinosaur dalam Jurassic Park dan mencipta kegerunan menerusi teng-gelamnya kapal HMS Titanic. Apabila James Cameron menghasilkan pula Avatar, sejarah terukir lagi apabila kita dibawa ke satu dunia yang tidak pernah difikirkan manusia. Jelas CGI satu kesaktian baru untuk pembikin filem.

Melalui catatan ini, saya harapkan KRU mahupun pembikin yang lain, akan mengangkat lebih banyak kisah hebat yang lebih dekat dengan masyarakat kita serta antarabangsa, sambil memanfaatkan teknologi CGI. Saya yakin ini semua hanya satu titik permulaan dan kita boleh pergi lebih jauh lagi dengan sokongan semua pihak yang mencintai dunia filem. Percayalah -- [roslenmetro@gmail.com](mailto:roslenmetro@gmail.com)

Headline	CGI makin penting dalam SINEMA tempatan		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	14 Apr 2014	Color	Full Color
Section	Rap	Circulation	407,786
Page No	R12	Readership	3,351,000
Language	Malay	ArticleSize	366 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 13,517
Frequency	Daily	PR Value	RM 40,552

